



# Selangor tumpu industri berteknologi tinggi

SINAR 13.1.2008 MS 3


kan kawasan perindustrian dan pelaburan yang eksklusif di Selangor.

"Jumlah keluasan yang akan dibangunkan adalah 1,299 ekar dan ia dijangka siap sepenuhnya pada Mac 2008. Setakat ini jumlah pelaburan projek ini adalah sebanyak RM1 bilion," katanya.

Menurutnya lagi objektif utama pembukaan SSP2 adalah untuk membangunkan dan melengkapkan kemudahan dalam industri berasaskan sains dan teknologi. Selain itu ia juga bertujuan untuk meningkatkan lagi kepakaran teknologi dan mengkomersialkan penyelidikan dan pembangunan.

"Saya amat yakin dengan perancangan dan pelaksanaan SSP2 ini kerana lokasinya yang sangat strategik. Ia telah dilengkapi dengan prasarana yang lengkap lagi moden.

"Jaringan lebuh raya, lapangan



Pelan pembangunan SSP2 yang menekankan aspek industri berteknologi tinggi.

**“** Saya amat yakin dengan perancangan dan pelaksanaan SSP2 ini kerana lokasinya yang sangat strategik...**”**

- Dr. Mohamad Khir Toyo

DR. MOHAMAD KHIR TOYO

LAILA HALILAH NASIR

**SESUAI** dengan status negeri maju, Selangor mengorak selangkah lagi di dalam mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi negeri melalui pembinaan Taman Sains Selangor 2 (SSP2).

Pembinaan SSP2 ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan negeri yang menetapkan pembangunan Wilayah Lembah Klang 2 (WLK2) perlu merangkumi dua komponen pembangunan utama iaitu kawasan perindustrian dan kawasan perumahan.

Menteri Besarnya, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo dalam satu kenyataannya mengatakan bahawa pewujudan SSP2 ini bermatlamat untuk melonjakkan pelaburan di Selangor.

"Taman ini terletak di Bukit Baja, Sepang dan berhampiran dengan Cyberjaya serta Putrajaya. Projek ini merupakan salah satu projek industri berasaskan teknologi yang merupa-

terbang bertaraf antarabangsa serta pelaburan bertaraf dunia telah pun tersergam di sekitar kawasan ini. Oleh itu kita percaya ia akan berjaya menarik pelabur luar dan dalam negara untuk melabur di negeri Selangor," tambahnya.

Beliau yang turut menitikberatkan pembangunan penduduk di sekitar kawasan terbabit menambah, projek SSP2 ini akan dilengkapi dengan kawasan industri, bangunan ko-

mersial, perumahan dan kemudahan asas yang menjanjikan kawasan pelaburan baru yang lengkap lagi moden.

SSP2 merangkumi tiga fasa iaitu fasa pertama akan tertumpu kepada pembangunan industri dan selebihnya kepada kawasan perumahan dan komersial.

Pembangunan SSP2 dengan kos pelaburan RM270 juta termasuk pembinaan persimpangan ber-

tingkat akan dilaksanakan oleh anak syarikat kerajaan negeri Selangor iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) yang sebelum ini turut memajukan Taman Sains 1.

Pada masa ini beberapa syarikat sudah menunjukkan minat untuk melabur di kawasan ini dan kerajaan negeri melalui anak syarikatnya, Pusat Pelaburan Negeri Selangor (SSIC) Berhad kini giat mempromosikan SSP2 kepada pelabur luar negara.